

**BANK MAKANAN****BUKA PUSAT  
KUMPUL, EDAR**

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin  
asyikin.mat@hmetro.com.my

**Puchong**

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merancang mewujudkan pusat pengumpulan dan pengedaran makanan bagi program Bank Makanan.

Ketua Setiausahaanya Datuk Muez Abd Aziz berkata, inisiatif itu akan diadakan dengan kerjasama Yayasan Food Bank Malaysia bagi menjayakan program Bank Makanan yang diterajui KPDNHEP.

"Ia adalah penambahbaikan program ini yang bukan saja memudahkan untuk menyalurkan sumbangan, tetapi juga mencapai matlamat program iaitu meringankan beban golo-

ngan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

"Bagaimanapun, ia masih dalam peringkat cadangan awal dan belum ada keputusan muktamad termasuk lokasi pusat berkeajaan," katanya selepas melancarkan program Bank Makanan ibu pejabat Destina 1 International, di sini semalam.

Beliau berkata, program itu digerakkan bersama empat rakan strategik utama iaitu *Food Aid Foundation*, *Kencara Soup Kitchen*, *Mutiara Food Bank* dan *The Lost Food Project*.

"Kami mendapat sokongan kuat daripada pasaran raya besar dengan memberikan sumbangan berupa barangan keperluan asas.

"Namun, barangan ini terlebih dahulu disaring bagi memastikan sumbangan diberikan kepada penerima terjamin berkualiti.

"Kerja saringan akan di-

lakukan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan penggerak program termasuk pegawai KPDNHEP," katanya.

Jelasnya, setakat ini 418,000 penerima iaitu ahli isi rumah menerima manfaat ini sejak Disember tahun lalu hingga Oktober ini.

"Sebanyak 19 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang membabitkan 6,470 penuntut menerima manfaat program ini.

"Menerusi program ini juga, 1,893 tan metrik makanan daripada pusat komersial termasuk hotel disalurkan daripada pembaziran dengan diberikan kepada golongan B40," katanya.

Mengulas lanjut katanya, satu rang undang-undang sudah dibentangkan di Parlimen untuk melindungi penyumbang makanan daripada tindakan mahkamah.